

UMS beri perhatian serius kerana Labuan miliki industri dalam sektor itu

'Sekolah minyak, gas' di Labuan

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA

utusansabah@utusan.com.my

UM 17.10.2012 26

LABUAN 16 Okt. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan meneliti cadangan Perbadanan Labuan tentang pembukaan sebuah lagi sekolah baharu berkaitan industri minyak dan gas di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, beliau akan membincangkan perkara itu dengan pengurusan tertinggi universiti sebelum usul tersebut dibawa kepada Kementerian Pengajian Tinggi bagi pertimbangan lanjut.

Katanya, UMS akan memberi perhatian serius cadangan itu memandangkan Labuan memiliki syarikat berkaitan minyak dan gas termasuk Petronas dan Asian Supply Base (ASB) yang menjadi pemangkin kepada industri berkenaan yang dapat mem-



bantu menjana ekonomi negara.

"Saya akan bincangkan pembukaan sekolah atau program berkaitan industri minyak dan gas itu kerana ia mampu menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian mereka di Labuan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS-KAL 2012 kali keempat di Dataran Labuan di sini kelmarin.

Dr. Mohd Harun diminta mengulas cadangan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Amir Onn Mus�탑ha tentang pihaknya yang bersedia membantu UMS menyediakan tapak sekiranya sekolah atau program baharu itu diwujudkan di pulau itu.

Ketika ini, UMS-KAL hanya mempunyai dua sekolah yang menawarkan program berkaitan kewangan dan perbankan serta kemudahan teknologi maklumat (ICT).



PENGARAH UMS - KL Prof. Madya Dr. Ismail Ali (depan) membawa skrol diiringi Mohd. Harun Abdullah (barisan belakang, tengah) sempena Perarakan Berjubah Graduan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan ke empat di Dataran Labuan. kelmarin.

Dalam majlis perarakan itu, seramai 320 peserta yang terdiri daripada pegawai utama UMS, ahli

akademik, pensyarah dan graduan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan

Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) berarak sejauh dua kilometer dari bangunan Perpustakaan Awam

Perbadanan Labuan ke Padang Dataran Labuan pada pukul 8.30 pagi.

Program itu merupakan simbolik hubungan erat antara Perbadanan Labuan yang mewakili warga Labuan dengan warga UMS selain sebagai tanda terima kasih atas kesediaan penduduk Labuan menerima warga universiti sebagai komponen penting dalam masyarakat setempat.

Sempena majlis itu juga, Mohd. Harun yang mewakili UMS dan Amin Onn yang mewakili Perbadanan Labuan menandatangani skrol mohon keizinan dan menyampaikan kunci serta sijil kepada wakil graduan sebagai tanda keizinan graduan menjadi warga Labuan.

UMS merupakan institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di negara ini menganjurkan Majlis Perarakan Berjubah Graduan yang pernah diadakan di beberapa universiti ternama di luar negara seperti Universiti Princeton, Universiti Charles Stuart, Universiti St. Andrews dan Universiti Michigan di Amerika Syarikat.